

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PERASMIAN KURSUS KEFAHAMAN ISLAM PERINGKAT KEBANGSAAN

TEMPAT: UNIVERSITI KEBANGSAAN, BANGI

TARIKH: 03 MAY 1982

MASA:

Dif-dif Kehormat;
Para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Saya merasa amat gembira sekali kerana mendapat peluang untuk hadir bersama-sama di majlis yang dihadiri oleh para imam dari seluruh negara yang datang dari jauh dan dekat ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada penganjur Kursus ini, iaitu Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Rabitah Al-Alam Al-Islami yang berpusat di Mekah Al-Mukaramah, yang telah memberi penghormatan kepada saya untuk berucap sepatah dua kata di Majlis yang permai ini.

2. Pada kebiasaannya kursus-kursus seperti ini, ataupun kegiatan dakwah yang sering dilakukan di negara ini, adalah dianjurkan dengan daya-usaha dan kebijaksanaan pendakwah-pendakwah tempatan semata-mata. Tetapi, bermula dari sekarang, kita sudah memasuki suatu peringkat baru dalam kegiatan dakwah di mana badan-badan antarabangsa, seperti Rabitah Al-Alam Al-Islami di Mekah Al-Mukaramah, sudah mengambil bahagian.

3. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yayasan Dakwah dan juga Rabitah Al-Alam Al-Islami yang telah berjaya mengambil langkah untuk mengadakan kursus seumpama ini. Saya berharap usaha-usaha seperti ini akan diteruskan dari masa ke semasa dan sama-samalah kita berdoa semoga ianya diberkati Allah jua.

4. Kita, sebagai sebuah negara Islam, bersedia bekerjasama dengan mana-mana badan atau pertubuhan Islam peringkat antarabangsa dalam usaha mengukuhkan kedudukan dan perpaduan umat Islam dan perkembangan agama suci Allah s.w.t.

5. Kerajaan Malaysia menyambut dan menyanjung tinggi usaha Rabitah membantu mempertingkatkan peranan masjid-masjid yang ada di negara ini. Sebuah Jawatankuasa Masjid Peringkat Persekutuan di bawah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam telah pun ditubuhkan dan sedang meneliti rancangan kerjasama antara negeri-negeri di Malaysia supaya masjid dapat dijadikan pusat dakwah dan perpaduan umat Islam yang utama.

6. Pihak Kerajaan Malaysia juga, dengan permintaan Rabitah

Al-Alam Al-Islami, telah bersetuju untuk melantik seorang wakil negara ini untuk menduduki dalam Jawatankuasa Masjid Peringkat Regional yang berpusat di Jakarta di bawah naungan Rabitah Al-Alam Al-Islami.

7. Imam bukan sahaja orang yang memimpin qariah dalam ibadat sembahyang berjemaah, tetapi adalah juga pemimpin masyarakat Islam. Khutbah yang disampaikan tiap-tiap Jumaat bertujuan menerangkan agama Islam dan membentuk sifat yang tinggi bagi masyarakat. Selain dari itu imam dikehendaki juga memberi nasihat dan penjelasan terhadap berbagai soal kemasyarakatan supaya kekeliruan dapat dihapuskan, terutamanya kekeliruan berkenaan dengan agama Islam dalam masyarakat. Jelaslah bahawa peranan imam tidak terhad kepada masjid sahaja tetapi meliputi gerak-geri masyarakat Islam tempatan.

8. Imam-imam yang telah dilantik tentulah dilantik kerana pengetahuan mereka dalam memimpin anak makmum dalam ibadat sembahyang dan lain-lain bidang di dalam agama Islam yang memerlukan kepimpinan. Tetapi memandangkan bahawa mereka juga dikehendaki memimpin masyarakat Islam umumnya maka pengetahuan mereka dalam agama tentulah perlu diperluaskan lagi dari masa ke semasa bagi menunaikan tanggungjawab ini dengan berkesan. Lebih luas pengetahuan mereka lebih berkesanlah kepimpinan mereka dan lebih bahagialah masyarakat Islam.

9. Sepertimana kita semua maklum hukum Islam bukanlah untuk zaman Nabi Muhammad s.a.w. sahaja tetapi adalah untuk semua zaman. Sudah tentu hukum Islam adalah secukupnya dengan zaman kita ini. Tetapi kita tidak dapat nafikan bahawa zaman kita ini adalah berbeza keadaannya dengan zaman Nabi kita atau pun zaman Khulafa-'l-Rasyidin. Keadaan dan perkembangan di zaman ini dan kaitannya dengan pelaksanaan hukum Islam perlulah benar-benar difahami oleh umat Islam supaya akidah mereka tidak tergugat dan mereka tidak merasa keciwa. Dalam hal ini pemimpin masyarakat Islam seperti imam-imam perlulah tahu kedudukan orang Islam sebenarnya dari segi masa, tempat dan kebolehan dan juga perubahan persekitaran yang berlaku sepanjang masa di dalam dunia yang moden ini. Kegagalan memahami perkara-perkara ini dengan sewajarnya akan menjadikan imam-imam kurang berkesan sebagai pemimpin masyarakat Islam. Pendapat yang tidak mengambil kira proses pemodenan yang sedang berlaku sudah tentu akan mengelirukan orang Islam dan akan mengurangkan kemampuan mereka untuk mengatasi cabaran-cabaran dan soal-soal yang timbul dari keadaan dunia yang seperti kita tahu kurang berminat dengan agama.

10. Masjid dan mimbar adalah tempat yang amat berkesan untuk berdakwah. Islam bukan agama yang negatif yang cuma tahu melarang. Dalam Islam terdapat imbalan antara larangan dengan desakan. Kita disuruh bertaburan di muka bumi Allah ini mencari rezeki selepas berjemaah. Islam menyuruh kita berniaga, bekerja, berdisiplin, mencari harta, mencari ilmu, menjelajah ke sana sini, meneliti dan membuat

kajian, melengkapkan diri dengan alatan pertahanan dan seribu satu usaha lain demi kebahagiaan hidup umat Islam. Oleh itu kita hendaklah memberi tekanan yang sama kepada desakan yang dituntut oleh agama seperti yang kita berikan kepada larangan. Masjid dan mimbar yang tidak berkesan dalam memandu umat Islam dalam tugas-tugas dunia yang dihalalkan dan disuruh oleh agama Islam, tetapi yang sebaliknya menumpukan semata-mata kepada larangan tidaklah boleh dikatakan memenuhi kehendak agama Islam. Aspek ini mestilah diberi perhatian dan ditekankan jika kita benar-benar berpegang kepada agama Islam sepenuhnya dan tidak mahu orang Islam ditindas kerana mereka lemah, miskin, dan tidak mempunyai keupayaan. Sekali lagi kita dapat lihat peranan yang perlu dimainkan oleh imam-imam.

11. Masjid adalah tempat orang Islam berkumpul, menjalin perhubungan sillaturrahim. Tentulah salah jika masjid dijadikan tempat kita memecahbelahkan orang Islam. Tetapi malangnya ini pernah terjadi di negara kita. Apakah peranan imam di sini. Tentulah mereka akan bersalah jika perkara yang mungkar ini dibiarkan berlaku. Tetapi kadang kala mereka tidak berupaya untuk mengatasinya. Di sinilah kita perlu mempertingkatkan keupayaan imam-imam kita supaya dapat kita membenters kejadian yang malang ini. Sekali lagi peningkatan keupayaan dan pengetahuan imam-imam menjadi kewajipan yang begitu penting.

12. Tidak ada sesiapa pun yang boleh berkata bahawa pengetahuannya sudah mencukupi, walaupun dalam bidang yang khusus baginya. Pengetahuan mesti dituntut seumur hidup sehingga akhir zaman. Mungkin kadang-kala kita diberitahu tentang apa yang kita sudah pun tahu. Tetapi dalam kursus seperti ini kita perlu ingat bahawa apa yang kita memang tahu mungkin tidak diketahui oleh peserta yang lain. Oleh itu kita perlu bersabar dan bertimbangrasa kepada orang yang lain dan kepada mereka yang ditugas untuk menyampaikan ilmu dan pengetahuan. Tidak dapat tidak sikap ini akan membawa kebaikan kepada kita dan saudara-saudara kita. Islam keseluruhannya. Saya juga yakin bahawa dengan pengetahuan yang bertambah tuan-tuan imam boleh menyedia dan membekalkan umat Islam untuk menghadapi cabaran dunia moden. Saya percaya tuan-tuan akan dapat mengukuhkan akidah dan iman ahli-ahli jemaah tuan-tuan supaya sedikit sebanyak mereka boleh memainkan peranan sebagai pendakwah tanpa dipengaruhi oleh niat-niat yang lain dari yang dituntut oleh agama Islam.

14. Inilah harapan kita semua. Inshaallah, kita akan mencapai tujuan kita ini, jika tidak sepenuhnya sekurang-kurangnya sebahagian daripadanya. Dengan kursus kefahaman Islam yang berterusan diadakan dari masa ke semasa kita akan capai matlamat kita ini.

15. Dengan harapan ini, dan dengan doa kehadiran Allah s.w.t. supaya maksud kita tercapai, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Kursus Kefahaman Islam ini.

